

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	28 November 2015

Perjuangan Datuk Onn masih relevan, evergreen

KUALA KANGSAR 27 Nov. - Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menyifatkan penganugerahan oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah kepada datuknya, Allahyarham Datuk Onn Jaafar membawa makna yang mendalam bukan sahaja kepada diri dan keluarganya, malah memberikan suatu pengajaran yang boleh disandarkan dalam mendepani dunia politik hari ini.

Beliau berkata, perjuangan Datuk Onn masih tetap *evergreen* dan relevan biarpun dalam keadaan negara sedang terkapai-kapai meniti landskap politik kebencian dan perpecahan selain geopolitik dunia yang meruncing.

"Penganugerahan ini (Darjah Seri Paduka Cura Si Manja Kini (SPCM) memberikan saya semangat. Apabila kita konsisten dalam memimpin sesuatu perjuangan, mungkin orang tidak dapat menghayatinya. Namun yang penting ialah sejarah untuk menentukan apa yang kita lakukan hari ini adalah tepat dan akan diterima oleh generasi akan datang.

"Jadi, dalam kita berdepan isu-isu semasa serta diuji dengan perpaduan dan kesatuan sambil memikirkan nasib anak bangsa, kita kena kembali semula kepada perjuangan mereka yang telah berkorban untuk mengizinkan kita hidup dalam sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan bermaruah pada hari ini.

"Saya merasakan secara jujur bahawa peringatan Tuanku terhadap Datuk Onn datang daripada hati yang jujur dan ikhlas, jadi itu yang lebih penting bagi saya dan

um - 28/11/2015
keluarga," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran Negeri Perak sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Perak Tahun 2015 di Istana Iskandariah di sini hari ini.

Sementara itu, anak saudara kepada Allahyarham Aminuddin Baki, Datuk Seri Mohd. Azim Zabidi pula terharu dengan pengiktirafan dan penghormatan yang diberikan oleh Sultan Perak melalui penganugerahan Darjah Seri Paduka Mahkota Perak (SPMP) yang membawa gelaran Datuk Seri.

"Kalau kita lihat tarikh pemergian Allahyarham ialah pada 24 Disember 1965. Jadi maknanya, bulan depan, genap 50 tahun beliau meninggal dunia dan mendapat pengiktirafan daripada seorang Sultan yang cukup peka dan prihatin dengan jasa-jasa yang telah ditabur oleh anak Perak," katanya.

Bagi Datuk Richard Morais iaitu adik kepada mendiang Kevin Anthony Morais pula, beliau berbangga untuk menerima Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) yang membawa gelaran Datuk bagi pihak abangnya.

"Terima kasih kepada kerajaan negeri atas sokongan termasuk Sultan Perak kerana mengurniakan anugerah ini," katanya.

Sementara itu, pendakwah terkenal, Datuk Mohd. Kazim Elias yang turut menerima penganugerahan DPMP, menjunjung kasih kepada Sultan Nazrin yang berkenan memberikan penghargaan kepadanya buat kali kedua selepas menerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah negeri, baru-baru ini.



SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH berkenan menganugerahkan Darjah Kebesaran SPCM kepada Allahyarham Onn Jaafar yang diwakili cucunya, Hishammuddin Tun Hussein sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Perak Tahun 2015 di Balai Rong Seri Istana Iskandariah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak, semalam.